



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

BUKAN SEKADAR SLOGAN

Tarikh Dibaca :

**26 SYAWAL 1443H/
27 MEI 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جاءتكم بركاتنا اسلاميا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BUKAN SEKADAR SLOGAN

26 SYAWAL 1443H / 27 MEI 2022

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

﴿إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا

وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan penuh keyakinan dan keikhlasan, melaksanakan segala suruhan-Nya, dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita akan menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, khutbah akan membicarakan tajuk: “**Bukan Sekadar Slogan**”.

Sebelum itu, saya ingin berpesan agar kita bersama-sama meneruskan amal ibadah dengan penuh istiqamah, berusaha untuk mengimarahkan masjid, memelihara hubungan silaturrahim sesama muslim serta berpegang teguh dengan prinsip-prinsip kebaikan yang diajar dalam Islam.

SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Amanah merupakan suatu perkara asas dalam segala aspek termasuklah dalam urusan tadbir cara Islam. Ia merupakan tanggungjawab sangat besar dan berat yang perlu digalas dan ditunaikan dengan seamanahnya. Beratnya amanah itu sehinggakan gunung-ganang pun tidak sanggup untuk memikulnya sebagaimana disebut melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab ayat 72, mukadimah khutbah tadi yang maksudnya: *“Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan”*.

Kita telah dipertanggungjawabkan dengan amanah yang tersendiri. Sama ada sebagai suami, isteri, anak, ketua jabatan, pemimpin negara, atau bahkan dalam perniagaan sekalipun sama ada perniagaan besar, kecil atau sebagai penjaja dan sebagainya. Jika mereka menjaga dan melaksanakan amanah sebaik-baiknya dalam urusan perniagaan, jujur, tidak menipu dalam timbangan dan seumpamanya pada hari kiamat kelak mereka merupakan golongan VIP yang akan duduk sebaris dengan para Nabi, *siddiqin* dan para *syuhada*, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Pedagang yang jujur amanah bersama-sama para Nabi, siddiqin dan para syuhada kelak di hari kiamat”*. **(Hadis riwayat Imam al-Tirmidzi dan Ibnu Majah)**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Masih ingatkah lagi tentang kisah Nabi SAW menegur sahabat yang diutus menjadi amil untuk mengutip zakat? Dirakamkan oleh Imam al-Bukhari bahawa Nabi SAW mengutus seorang lelaki dari Bani Asad yang bernama Ibnu al-Utabiyyah sebagai pemungut zakat. Ketika kembali dari tugasnya, dia berkata: “Ini untuk kamu sebagai zakat dan ini pula bahagian untukku”. Maka Baginda pun berdiri di atas mimbar dan memuji Allah dan bersabda: *“Cubalah jika dia duduk sahaja di rumah ayahnya atau ibunya, dan menunggu adakah akan ada yang memberikan kepadanya hadiah? Dan demi Zat yang jiwaku di tangan-Nya! Tidak seorang pun yang mengambil sesuatu dari zakat ini (secara tidak sah),*

kecuali dia akan datang pada hari kiamat dengan dipikulkan di atas lehernya berupa unta yang berteriak, atau lembu yang mengeboh atau kambing yang mengembek”.

Daripada kisah ini - dalam konteks pemimpin dan pekerja - jelas bahawa seseorang yang telah diberikan sesuatu amanah, maka lebih baik untuknya mengelak daripada menerima sebarang hadiah atau layanan istimewa daripada orang lain. Larangan ini bagi mengelakkan terdorongnya kita daripada terjerumus ke kancah rasuah berdasarkan kaedah dalam Islam iaitu, *sadd adz-dzari'ah* (سد الذريعة), yang bermaksud menutup pintu

ke arah kerosakan. Cuba fikirkan, jika seseorang itu tiada nama dan jawatan yang tinggi, adakah dia akan diberi hadiah atau layanan yang istimewa?

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Betapa amanah dan berintegriti ini bukanlah suatu perkara yang ringan dan remeh. Rasulullah SAW pernah mengingatkan tentang kebinasaan yang timbul akibat hilangnya amanah. Hadis yang diriwayatkan dari Abu Hurairah RA beliau berkata, “Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا ضَيَّعَتِ الْأَمَانَةُ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ. قَالَ: كَيْفَ إِضَاعَتُهَا يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: إِذَا أُسْنِدَ الْأَمْرُ إِلَى
غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ.

Maksudnya: “Jika amanah telah disia-siakan, maka tunggulah hari kebinasaan (Kiamat)”. Abu Hurairah bertanya, “Wahai Rasulullah! Bagaimanakah mensia-siakan amanah itu?” Baginda menjawab, “Jika satu urusan diserahkan kepada bukan ahlinya, maka tunggulah hari Kiamat!”.

Maka dalam hal ini, masyarakat seharusnya tidak perlu ragu-ragu dengan semua agensi agama dan pihak berkuasa agama negeri yang telah dipertanggungjawabkan dengan tugas masing-masing. Bahkan ia merupakan salah satu perintah yang jelas sebagaimana disebut melalui ayat 58 dari Surah al-Nisaa:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ ﴾

﴿ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ﴾

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat*”.

Saya sekali lagi ingin mengingatkan supaya kita laksanakan amanah yang dipikulkan ke atas kita sama ada amanah kepada Allah SWT, amanah kepada Rasulullah SAW, amanah sebagai pemimpin, amanah sebagai ayah, suami dan isteri, amanah sebagai guru dan ustaz/ustazah, amanah sebagai ketua jabatan/pejabat, amanah sebagai ketua organisasi/persatuan, amanah sebagai imam, bilal, ketua kampung, amanah sebagai pemimpin masyarakat, amanah sebagai anak, amanah sebagai pelajar, ketua pelajar, amanah sebagai muda-mudi Islam sehinggalah sekecil-kecil amanah sebagai tukang kebun, penternak, tukang sapu dan sebagainya. Jangan sekali-kali kita khianati amanah itu, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Tunaikanlah amanah kepada orang yang memberikan kepercayaan kepadamu dan janganlah kamu mengkhianati seseorang yang pernah mengkhianati kamu*”. **(Hadis riwayat Imam Ahmad, Abu Daud dan al-Tirmidzi)**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin meninggalkan saudara-saudara sekalian dengan beberapa pesanan:

Pertama: Amanah itu merupakan suatu yang sangat berat sehinggakan gunung-ganang sendiri pun tidak sanggup untuk memikulnya.

Kedua: Jauhilah segala perkara yang boleh mendorong kepada rasuah, salah guna kuasa dan kemungkaran lain.

Ketiga: Masyarakat perlu memberi kepercayaan penuh kepada agensi-agensi agama dalam melaksanakan tugas mereka.

Keempat: Setiap orang bertanggungjawab terhadap apa-apa yang telah diamanahkan kepadanya dan ingatlah bahawa ia akan dipersoalkan kelak.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Anfal ayat 27:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾ ﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
 وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
 وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.
 وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
 اللَّهُمَّ أَيْدِ بَدْوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اكَوْغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قُدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اكَوْغْ، تُونُكُو حَاجِهِ عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونِهِ إِسْكَندَرِيهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ

إِسْكَندَرَ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتِهِ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

❁ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
 وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.